

Subsidi petrol bersasar boleh dilaksanakan tahun ini

Kepala Batas: Kerajaan optimis mampu melaksanakan agihan subsidi petrol bersasar kepada golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang layak, sebelum pembentangan Bajet 2020 diadakan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pihaknya bersama Kementerian Kewangan (MOF) sedang menyiapkan memo bersama berhubung pelaksanaan itu yang akan dibentangkan kepada jemaah menteri dalam tempoh terdekat.

Katanya, KPDNHEP dan MOF mengadakan perbincangan baru-baru ini bagi mencari formula dan mekanisme terbaik untuk memuktamadkan pelaksanaan cadangan itu yang menjadi antara janji Pakatan Harapan (PH).

"Pada mesyuarat itu, kedua-dua pihak sudah menemui kaedah yang munasabah dan akan menyiapkan memo bersama mengenai pelaksanaan subsidi petrol bersasar ini, yang mana ia kemudian akan dibentangkan kepada jemaah menteri pada kadar segera.

Tarikh tepak laksana janji

"Melalui pembentangan itu nanti, kita akan mendapat tarikh tepat untuk melaksanakan janji ini termasuk mengetahui jumlah subsidi dan penerima yang layak," katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri KPDNHEP Pulau Pinang, di sini, semalam.

Saifuddin berkata, formula dan mekanisme mengenai pelaksanaan subsidi petrol bersasar yang dibincangkan kedua-dua kementerian itu pada mulanya pasti tidak sempurna sepenuhnya, namun KPDNHEP dan MOF akan cuba mencari kesempurnaan apabila dilaksanakan kelak.

Beliau berkata, pelbagai perkara diperhalusi dalam melaksanakan subsidi petrol bersasar itu sejak ia diumumkan pada November lalu, antaranya mengambil kira mengenai unjuran harga minyak mentah dunia, masa pelaksanaan, aspek data penerima dan kesediaan syarikat minyak membekalkan petrol mencukupi.

"Perkara ini penting supaya apabila dilaksanakan kelak, tidak menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat yang menerimanya, apatah lagi sudah enam ke tujuh bulan kita memperhalusi berhubung pelaksanaan ini. Kita optimis ia mampu dilaksanakan pada tahun ini juga," katanya.

Ketika membentangkan Bajet 2019, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, menyatakan pemilik kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan motosikal berkapasiti enjin 125cc ke bawah, akan menikmati subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter.

Menerusi mekanisme subsidi itu, pemilik kereta akan menerima subsidi petrol RON95 terhad kepada 100 liter bagi pemilik kereta dan 40 liter bagi motosikal.

Berikutan itu, sejumlah RM2 bilion diperuntukkan dan dijangka memanfaatkan empat juta pemilik kereta dan 2.6 juta pemilik motosikal.